



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 51 /2026

BULAN RAKAN DEMOKRASI ANGKAT KUASA ORANG MUDA

7 OGOS 2026

-
1. YB. Dr. Mohammed Taufiq bin Johari, Menteri Belia dan Sukan hari ini melancarkan **Bulan Rakan Demokrasi** menerusi inisiatif **Kuasa Orang Muda (KOM)** yang berlangsung di Lobi Menara Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Putrajaya.
 2. Majlis turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan (KBS), YBhg. Dato' Rahimi Ismail dan Ketua Pegawai Eksekutif Impact Integrated, Encik Ahmed Faris bin Amir.
 3. Inisiatif nasional di bawah payung **Rakan Muda** ini bertujuan memperkukuh literasi politik, demokrasi dan kepimpinan dalam kalangan belia, di samping membentuk generasi muda yang berpengetahuan, berfikiran kritis serta mampu membuat keputusan secara matang dan bertanggungjawab.
 4. Sepanjang Bulan Rakan Demokrasi, pelbagai pengisian utama telah dirancang untuk dilaksanakan di seluruh negara bagi memperluas penglibatan orang muda. Antara acara kemuncak ialah **Festival Kuasa Orang Muda x Mega Careers & Study Fair (MCASF) 2026** yang akan berlangsung pada 22 dan 23 Ogos 2026 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Festival ini menggabungkan elemen pembangunan kerjaya dan peningkatan pengetahuan serta tadbir urus negara bagi memastikan orang muda bukan sahaja bersedia menghadapi alam pekerjaan, malah memahami peranan mereka sebagai warganegara dalam pembangunan negara.

5. Selain itu, aktiviti bergerak menerusi '**Street Team**', reruai interaktif serta **Siri Jelajah KOM** akan diteruskan ke institusi pengajian tinggi dan lokasi tumpuan awam di seluruh negara, termasuk Politeknik Kota Kinabalu, Politeknik Merlimau dan MAHSA University. Inisiatif ini turut diperluaskan melalui kerjasama strategik bersama program komuniti seperti **Pasar Siswa di Pahang, Business Festival di University College MAIWP International (UCMI), Kuala Lumpur serta Lorong Belakang di Cyberjaya.**
6. Melengkapkan pendekatan secara fizikal, platform digital KOM turut menyediakan modul e-pembelajaran berkaitan polisi awam dan sosioekonomi tempatan melalui portal **belajar.kuasaorangmuda.com**. Platform ini juga memperkenalkan komponen '**Suara Kuasa Orang Muda**' sebagai saluran untuk menghimpunkan dan menganalisis aspirasi orang muda secara berstruktur, inklusif dan neutral. Pendekatan ini membolehkan pandangan orang muda disalurkan secara sistematik untuk pertimbangan pembuat dasar dan polisi dalam pembangunan negara.
7. KBS menyeru anak muda di Malaysia untuk mengambil peluang menyertai pelbagai aktiviti yang disediakan sepanjang **Bulan Rakan Demokrasi: Kuasa Orang Muda**, mendaftar secara percuma melalui portal KOM bagi memperkukuh pengetahuan, menyuarakan pandangan dan bersama-sama menyumbang kepada pembentukan masa depan negara.
8. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut mengenai Bulan Rakan Demokrasi: Kuasa Orang Muda boleh diajukan kepada **Impact Integrated** melalui e-mel **fadhli.hamim@impact.my**.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

